

Ruj. Kami: ANM.PK.D/600-2/5 Jld 1(36)
Tarikh: 15 November 2021

Semua Ketua Jabatan Persekutuan/
Ketua Pusat Tanggungjawab

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan

PENYELARASAN KOD VENDOR BANK BAGI AKAUN TERIMAAN PEJABAT PERAKAUNAN

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Surat Edaran BPOPP Bilangan 4 Tahun 2021 No. Rujukan kami: JANM.BPOPP.600-12/2/28 Jld. 2 (23) bertarikh 29 Oktober 2021 adalah berkaitan.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan, pembayaran oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) kepada PTJ lain melalui Akaun Terimaan Pejabat Perakaunan perlu menggunakan Kod Vendor yang telah ditetapkan oleh pihak Ibu Pejabat JANM. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta-merta.

3. Semua Jabatan dan PTJ adalah diingatkan untuk memastikan semua urusan yang ingin dibayar ke **Akaun Terimaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak** adalah menggunakan kod vendor seperti berikut:

NAMA PEJABAT PERAKAUNAN	KOD VENDOR
Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Perak	6000568501

4. Sehubungan dengan itu, penggunaan dan pengwujudan kod vendor selain kod tersebut adalah **TIDAK DIBENARKAN** dan akan dikuiiri oleh Pejabat Perakaunan (AO). Sila pastikan pihak pembayar mengunci masuk kod PTJ / Nama PTJ di ruangan perihal bayaran untuk memudahkan pihak AO mengenalpasti PTJ penerima. Berikut dilampirkan juga Surat Edaran BPOPP Bilangan 4 Tahun 2021 untuk makluman dan tindakan pihak Tuan.

5. Kerjasama daripada YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam mematuhi arahan ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**UNIT PENGURUSAN DANA
JANM NEGERI PERAK**